



PETA & LALUAN YANG DICADANGKAN

# ANG MO KIO

## JEJAK WARISAN

Jejak Warisan Ang Mo Kio adalah usaha berterusan Lembaga Warisan Negara untuk mendokumentasikan dan memaparkan sejarah dan kenangan sosial tentang tempat-tempat di Singapura. Kami berharap susur ini dapat mengembalikan kenangan indah bagi mereka yang pernah bekerja, tinggal atau beriadah di kawasan itu, dan sebagai wadah sumber maklumat yang berguna bagi pelawat dan penduduk baru.

Disokong oleh



Pemandangan bandar baharu Ang Mo Kio dengan Blok 259 di sebelah kiri, 1987  
Ihsan Arkib Negara

## LALUAN SUSUR PENDEK YANG DICADANGKAN

Dari bandar perumahan ikonik hingga ke daya tarikan kawasan perumahan awam yang terlepas dipandang dan kawasan pinggir yang indah, ketiga-tiga susur bertema ini akan membawa anda mengembara melalui mercu tanda yang dikenali dan tidak dikenali di Ang Mo Kio serta kisah-kisah yang kurang diketahui masyarakat. Pilih laluan dan mula meneroka warisan Ang Mo Kio yang begitu kaya hari ini!

### Mercu Tanda Ikonik (1.5 jam menggunakan pengangkutan awam, 5.5 km)

Sebagai bandar perumahan awam ketujuh yang dibina oleh Lembaga Perumahan & Pembangunan (HDB), Ang Mo Kio dipenuhi dengan bangunan dan tapak unik yang menjadi mercu tanda ikonik bandar tersebut. Laluan ini menyerlahkan bangunan ikonik dan tapak bandar baharu Ang Mo Kio, yang terdiri daripada blok yang tersendiri hingga ke taman berlandskap.



Mulakan penerokaan anda di Pusat Bandar Ang Mo Kio, salah satu pusat bandar terbesar yang dibina pada akhir tahun 1970-an. Berjalan menuju ke Pusat Beli-belah Jubilee Square dan amati Blok 710, blok tertinggi di sebelah kanan pentas yang terletak di tengah-tengah. Dikenali sebagai "Blok VIP" pada tahun 1980-an dan 1990-an, Blok 710 adalah tempat di mana tetamu kenamaan yang datang bertandang, termasuk mendiang Ratu Elizabeth II dan Perdana Menteri China Li Peng, dibawa untuk menyaksikan secara langsung pencapaian awal Singapura dalam menyediakan perumahan awam.



dan lintas jalan ke Blok 259. Digelar "Blok Klover" oleh penduduk tempatan disebabkan rupa bentuknya yang tersendiri, Blok 259 ialah satu-satunya blok rumah pangsa berbentuk bulat di Singapura. Disiapkan pada tahun 1981, ia merupakan projek perintis oleh HDB untuk memperkenalkan lebih banyak variasi seni bina di estet perumahan awam.



Seterusnya, berjalan melalui pusat bandar untuk sampai ke Masjid Al-Muttaqin. Dibina pada tahun 1980 untuk memenuhi keperluan masyarakat Islam di Ang Mo Kio, masjid ini merupakan bangunan ikonik yang berdiri untuk menyambut mereka yang masuk ke bandar baharu itu. Seterusnya, berjalan di sepanjang Ang Mo Kio Avenue 6 dan menyeberang jalan untuk sampai ke Ang Mo Kio Town Garden West (Taman Bandar Ang Mo Kio Barat). Taman bandar seluas 21 hektar ini pernah menjadi taman bandar terbesar di Singapura. Dibina pada tahun 1983, ia telah direka bentuk oleh seorang kontraktor Jepun, yang mengekalkan sebahagian daripada rupa bumi semula jadi dan tumbuh-tumbuhan asli di kawasan itu.



Berjalan ke permulaan taman bandar itu di barat untuk menemui Kelab Nyanjian Burung Kebun Baru, tempat peminat burung berkumpul sejak akhir tahun 1970-an. Ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1987, ini adalah kawasan kicauan dan pameran burung terbesar di Singapura.

Teruskan perjalanan ke Ang Mo Kio Avenue 3, naik bas ke Ang Mo Kio Avenue 1, turun

Naik bas ke Majlis Bandaran Ang Mo Kio dan nikmati pemandangan Taman Bishan-Ang Mo Kio di sepanjang jalan. Pada asalnya dipanggil Taman Bishan apabila ia dibina pada tahun 1986, taman itu dibina di sekitar Sungai Kallang dan menggabungkan hutan di sekitarnya. Antara tahun 2009 dengan 2011, taman ini telah menjalani pembaharuan yang meluas dan beberapa kolam telah dibina di sepanjang sungai, mengimbuu kembali ke zaman perkampungan Ang Mo Kio apabila kolam ikan dan teratai digali di sepanjang sungai dan anak sungainya.



Turun bas dan berjalan ke Majlis Bandaran Ang Mo Kio. Dilancarkan pada tahun 1986, majlis bandaran yang mencatatkan sejarah itu menjadi yang pertama seumpamanya selepas kejayaan program perintis. Seperti semua majlis bandaran berikutnya, ia bertujuan menggalakkan penyertaan penduduk dalam penyelenggaraan estet.

**Pilihan:** Kunjungi salah satu taman permainan naga terakhir yang tinggal di Singapura. Terletak di Ang Mo Kio Avenue 3, taman permainan naga telah dibina pada tahun 1979. Dari sini, anda boleh menuju ke Pine Garden, sebuah kedai roti terkenal di tengah-tengah estet yang telah beroperasi di Ang Mo Kio Avenue 10 sejak tahun 1984, atau menyeberang jalan ke Blok 545 untuk melawat Tung San Food Industries, yang dipasang untuk mengimbuu kenangan bekas ladang getah di kawasan ini.

### Daya Tarikan Kawasan Perumahan Awam Yang Tersembunyi (1.5 jam menggunakan pengangkutan awam, 7.5 km)

Tersembunyi di depan mata, banyak tapak di sekitar Ang Mo Kio menampilkan objek dan pemasangan yang mendedahkan kisah yang kurang diketahui tentang masyarakatnya. Susur ini membawa anda dalam perjalanan untuk menemui tempat-tempat berharga yang sering terlepas dipandang di Ang Mo Kio dan fakta menarik di belakangnya.



Teruskan ke persimpangan antara Ang Mo Kio Central 1 dan Ang Mo Kio Avenue 3. Terletak di celah-celah rumpun pokok renek adalah arca tomato yang dipasang pada tahun 2000. Arca ini adalah rujukan gurauan kepada teori bahawa Ang Mo Kio mengambil namanya daripada istilah Hokkien tempatan untuk tomato.



Bermula di Kuil Chu Sheng, selepas anda berjalan kaki seketika dari MRT Yio Chu Kang. Kuil ini menempatkan tiga kuil lama dari bekas kampung di Yio Chu Kang. Di sebelah pintu gerbang kuil, anda boleh melihat dua arca batu yang dikenali sebagai Xia Ma Shi ("batu untuk turun dari kuda" dalam bahasa Mandarin). Pihak kuil memasang batu-batu ini sebagai peringatan kepada jemaah supaya merendah hati dan tunjuk hormat apabila memasuki pekarangannya.



Seterusnya, kunjungi Swee Kow Kuan, terletak bersebelahan Kuil Chu Sheng. Ditubuhkan pada tahun 1905 di Buona Vista, Swee Kow Kuan ialah kuil bagi mereka yang bernama keluarga Hong. Di sebelah kanan kuil, anda boleh melihat prasasti batu yang tertulis padanya tahun kuil itu dibina dan nama-nama penderma pengasasnya.



Berjalan kembali ke MRT Yio Chu Kang dan naik kereta api ke MRT Ang Mo Kio. Kemudian berjalan ke Ang Mo Kio Town Garden East (Taman Bandar Ang Mo Kio Timur), yang terletak di belakang stesen. Disiapkan pada tahun 1981, taman bandar ini pada asalnya merupakan sebahagian daripada kawasan yang lebih besar yang dikenali sebagai Cheng San ("bukit hijau" dalam bahasa Hokkien). Di sekitar taman, anda boleh melihat arca benih getah, yang dipasang untuk mengimbuu kenangan bekas ladang getah di kawasan ini.

Naik bas, turun di Ang Mo Kio Ave 3 dan berjalan kaki ke Kuil Bersama Ang Mo Kio. Kuil ini, yang menempatkan tiga kuil lama dari bekas kampung di Ang Mo Kio, telah dibina pada tahun 2011. Pada tiang dan bahagian depan bangunan, anda boleh melihat ukiran yang rumit, yang dibuat dengan tangan oleh tukang di China. Di dalam salah satu kuil, Gao Lin Gong, anda juga boleh melihat pendiri kayu berukir, yang telah ditugaskan khas pada tahun 1888 sebagai tanda penubuhan kuil itu.



Kemudian, berjalan menyusuri Ang Mo Kio Avenue 1 ke pintu masuk tempat letak kereta ke Blok 218. Mengapit pintu masuk ke tempat letak kereta itu adalah sepasang arca Merlion batu setinggi 2.5 meter. Ditugaskan pada tahun 1998 oleh Jawatankuasa Penduduk di Ang Mo Kio, ini adalah satu-satunya Merlion yang terdapat di kawasan perumahan awam Singapura.



Akhir sekali, naik bas dan turun di Gereja Christ the King. Ditubuhkan pada tahun 1982 dan dibina semula pada tahun 2002, gereja ini mempunyai patung ikonik Raja Jesus Christ di balkoni hadapannya. Patung ini telah ditugaskan pada tahun 1956 dan dipahat di Kerala, India.

### Pemandangan Indah di Pinggiran (2.5 jam menggunakan pengangkutan awam, 12 km)

Dari estet perumahan swasta yang dibina pada tahun 1950-an dan 1960-an hingga ke kehijauan yang menenangkan jiwa, pinggiran Ang Mo Kio yang sibuk mempamerkan wajah lain bandar baharu itu dan persekitarannya. Jejak ini membawa anda melalui laluan yang indah untuk meneroka kawasan pinggir Ang Mo Kio.



Mulakan susur di Kolam Air Lower Peirce, kolam air takungan kedua Singapura. Asalnya dinamakan Kolam Air Sungai Kalang (ejaan lamanya), ia siap dibina pada tahun 1910 dan dibuka secara rasmi pada tahun 1912. Semasa pembukaannya, sebuah batu bersurat yang diimport dari Aswan, Mesir, telah didirikan dan ia kekal berdiri di kolam air itu sehingga kini. Kolam air itu dinamakan semula sebagai penghormatan kepada jurutera perbandaran, Robert Peirce, yang melakarkan pelan untuk projek itu pada tahun 1922.



Menyeberangi Upper Thomson Road ke hentian seterusnya, Sembawang Hills Estate (Estet Sembawang Hills). Dahulu sebuah ladang getah, Sembawang Hills Estate dibangunkan bersama pada tahun 1950-an oleh Bukit Sembawang Rubber Estates dan Singapore United Rubber Estates, dua syarikat getah yang berkembang kepada industri pembangunan perumahan apabila pengeluaran getah merosot. Semasa di sana, saksikan perhentian teks lama dan bangku batu yang ikonik, siap dengan nombor perkhidmatan lama terpahat, yang dikatakan telah dibina pada tahun 1960-an. Anda juga boleh menjamu selera di Plum Village Restaurant, restoran Hakka tertua di Singapura, untuk menikmati hidangan Hakka asli.



Dari sini, berjalan ke utara melalui Sembawang Hills ke Teachers' Housing Estate (Estet Perumahan Guru) di sepanjang Yio Chu Kang Road. Dibina pada akhir 1950-an oleh Kesatuan Guru Singapura, penduduk pertama ladang itu

kebanyakannya adalah guru-guru dan keluarga mereka. Jalan-jalan di estet itu dinamakan sempena penyair dan penulis seperti Tu Fu, Rabindranath Tagore dan Munshi Abdullah.




Akhir sekali, naik bas di Yio Chu Kang Road dan turun di Liuxun Sanherniao. Disiapkan pada tahun 1989, kuil ini menempatkan tiga kuil yang lebih tua, dahulunya dari sebuah kampung yang dikenali sebagai Lak Xun, terletak di Yio Chu Kang. Pada tahun 1980-an, para penduduk kampung itu telah ditempatkan semula, dan kuil-kuil tersebut telah digabungkan dan dipindahkan ke premis yang ada kini di Ang Mo Kio.



**Pilihan:** Naik bas menyusuri Yio Chu Kang Road dan singgah di Seletar Hills Estate (Estet Seletar Hills). Dibangunkan pada tahun 1950-an oleh Singapore United Estates, anak syarikat Singapore United Rubber Plantations Ltd, Seletar Hills Estate dibina selepas kejayaan Sembawang Hills Estate. Sepanjang perjalanan, singgah ke Sam Mui Kuang Pottery, salah satu perniagaan tembikar pertama yang ditubuhkan di Singapura. Anda juga boleh menaiki bas dan menamatkan penjelajahan anda di Serangoon Garden, sebuah lagi estet perumahan swasta yang dibina pada tahun 1950-an yang sejak itu telah menjadi tempat menjamu selera yang terkenal.





## MARKED SITES IN THE SUGGESTED SHORT TRAIL ROUTES



ANG MO KIO JOINT TEMPLE




ANG MO KIO TOWN CENTRE



ANG MO KIO TOWN COUNCIL



ANG MO KIO TOWN GARDEN WEST



BLOCK 259, THE "CLOVER BLOCK"



CHURCH OF CHRIST THE KING



FORMER CHENG SAN



LIUXUN SANHEMIAO



MASJID AL-MUTTAQIN



TEACHERS' HOUSING ESTATE

All information contained in this trail map is provided in good faith, and every reasonable effort has been made to ensure that the information is accurate and up to date at time of print. Accordingly, NHB makes no warranty or representation relating to the trail map and all information contained therein, and users relying on any of the information contained in the trail map shall do so at their own risk and diligence.

©2023 National Heritage Board. All rights reserved.



Scan here to learn more on Roots.gov.sg